

MyCC syor denda Grab lebih RM86j

Turut kena bayar RM15,000 setiap hari jika gagal ambil tindakan pembetulan

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mencadangkan syarikat penyedia perkhidmatan e-hailing, Grab, didenda RM86,772,943.76 kerana melanggar Akta Persaingan 2010.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Iskandar Ismail, berkata Grab akan turut dikenakan denda kerana melanggar Akta Persaingan 2010. Beliau berkata, denda itu akan dikenakan kerana Grab melanggar Akta Persaingan 2010 kerana melanggar peraturan yang ditetapkan dalam Akta tersebut.

Katanya, MyCC mendapati Grab melanggar Seksyen 10 Akta Persaingan 2010 kerana menggu-

nakan kedudukan dominannya dengan mengenakan beberapa klausa halangan terhadap pesamanya.

"Grab didapati menyekat pesamanya daripada mempromosikan dan menyediakan perkhidmatan pengiklanan kepada pesaing Grab dalam perkhidmatan e-hailing dan pasaran pengiklanan media transit.

"Ini memberi kesan terhadap persaingan dalam pasaran perkhidmatan e-hailing serta mewujudkan halangan untuk pesaing sedia ada dan baharu Grab," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Beliau berkata, cadangan denda itu bukan keputusan akhir kerana Grab diberi tempoh 30 hari bekerja bermula semalam untuk mengemukakan representasi pembelaan kepada MyCC.

Katanya, MyCC kemudian akan mengeluarkan keputusan akhir mengikut Seksyen 39-atau 40 Akta Persaingan 2010 selepas menilai semua representasi, maklumat dan bukti yang diketengahkan.

Beliau berkata, isu berkaitan Grab timbul berikutan pengga-

bugan syarikat itu dan Uber pada lewat Mac 2018 sehingga Grab menjadi dominan dalam pasaran e-hailing.

Sejak penggabungan itu, Iskandar berkata, MyCC menerima banyak aduan terhadap Grab, namun beliau enggan mendedahkan secara khusus bentuk aduan diterima dan maklumat pengaduan.

"Adalah penting halangan dalam pasaran (e-hailing) kekal rendah, pesaing-pesaing berupaya untuk berkembang serta bersaing berdasarkan merit. Ini bagi memastikan saingan sentiasa sihat dalam pasaran e-hailing dan yang berkaitan," katanya.

Sementara itu, Grab dalam reaksi terhadap keputusan MyCC, mengakui terkejut dan tidak menjangka cadangan terbabit dikenakan suruhanjaya berkenaan.

"Kami mematuhi sepenuhnya Akta Persaingan 2010. Pasukan peguam kami sedang mengkaji cadangan berkenaan dan akan menyerahkan representasi bertulis kepada MyCC pada 27 November nanti.



Cadangan denda itu bukan keputusan akhir kerana Grab diberi tempoh 30 hari bekerja bermula semalam untuk mengemukakan representasi pembelaan kepada MyCC.

Iskandar Ismail,
Ketua Pegawai Eksekutif MyCC

"Kami percaya adalah amalan biasa bagi perniagaan untuk menentukan ketersediaan dan jenis pengiklanan pihak ketiga di platform masing-masing mengikut keperluan dan maklum balas pengguna," kata syarikat itu dalam satu kenyataan, semalam.